



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROJEK TRANSFORMASI PAPAN TANDA DAN TANDA ARAH JALAN, KERJA PENGUNDIAN PENYENGGARAAN JALAN DAN SUMBANGAN MANGSA BANJIR KEMENTERIAN KERJA RAYA

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui agensinya Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengenalpasti dan melaksanakan projek perintis transformasi Papan Tanda dan Tanda Arah di permukaan jalan di Kuantan, Pahang. Projek inovasi ini merupakan salah satu projek di bawah program *Public Service Delivery Transformation Programme* (PSDT) yang merupakan cetusan idea YAB Perdana Menteri, iaitu program transformasi penyampaian perkhidmatan awam yang memberikan impak yang besar kepada rakyat dalam masa yang singkat (*fast track with big impact*).

Ia adalah satu projek perintis bertujuan untuk menyelesaikan masalah aduan yang seringkali disuarakan oleh pengguna jalan, iaitu berkaitan kelemahan papan tanda arah di seluruh negara. Aduan tersebut termasuklah papan tanda arah yang dihalang oleh pokok, landskap, papan tanda iklan atau lain-lain papan tanda. Selain itu terdapat keadaan di mana papan tanda arah tiada kesinambungan dan menyebabkan pengguna jalan raya keliru semasa mencari destinasi mereka. Ketiadaan papan tanda pengesahan (*confirmatory signboards*) di persimpangan jalan juga turut menyebabkan pengguna tidak pasti arah yang perlu dipilih dan terdapat juga kes duplikasi papan tanda arah berlaku disebabkan pertindihan tanggungjawab di antara JKR dan pihak berkuasa tempatan.

Projek ini menggunakan kaedah “*Adopt and Adapt*” dan telah menggabungkan Arahan Teknik Jalan JKR dengan “*UK Traffic Signs Manual*”. Ia berjaya disiapkan dalam tempoh yang singkat iaitu 6 bulan. Kos merekabentuk dan memasang papan tanda bagi projek ini adalah lebih murah kerana rekabentuk papan tanda mengoptimalkan penggunaan ruang dan seterusnya menghasilkan papan tanda yang bersaiz lebih kecil.

Berdasarkan kepada Kajian Kepuasan Pelanggan yang telah dijalankan serta maklumbalas lisan daripada penduduk sekitar Kuantan, projek inovasi ini telah berjaya mencapai objektifnya dimana pengguna dapat mencari destinasi yang ditujui mereka dengan mudah. Inovasi ini akan diperluaskan pelaksanaannya kepada JKR dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara dengan matlamat pengguna berjaya tiba ke destinasi dengan lancar hasil berpandukan papan tanda arah jalan ini.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | pro@kk.gov.my




Sementara itu, tujuan utama kerja undi penyenggaraan jalan yang diadakan hari ini adalah untuk membuka peluang kepada kontraktor kecil untuk sama-sama terlibat dalam kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan. Kerja undi ini meliputi kerja berkala bukan pavemen seperti kerja mengecat garisan jalan, membaiki penghadang jalan, membaiki longkang, perabot jalan dan papan tanda jalan. Bagi mempercepatkan proses pemilihan kontraktor Kementerian Kerja Raya memutuskan agar pengagihan kerja dibuat secara undi.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KERJA RAYA
23 APRIL 2015**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kkr.gov.my